



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

JOHOR KAMPUS SEGAMAT

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK MUHAMMAD RIZAL ABDULLAH,

RENJER GUNUNG LEDANG

MENGENAI LAGENDA PUTERI GUNUNG LEDANG

SITI HAISSA AMIRA BINTI AMIR

(2021123835)

NURHANI JAZREEN BINTI HASBULLAH

(2021125519)

SEMESTER MAC – JULAI 2022

ISI KANDUNGAN

BIL	ISI KANDUNGAN	M/S
	Abstrak	i -ii
	Penghargaan	iii
	Senarai Abreviasi	iv
	Senarai Singkatan	v
	Rujukan Kata	vi - vii
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1 - 1
	1.2 Penemubual Kedua	2 - 2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3 - 3
	2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	4 - 4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5 - 6
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	7 - 7
	3.3 Objektif Kajian	7 - 7
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	8 - 8
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Topik 1 : Lagenda dan mitos	9 - 9
	4.2 Topik 2 : Puteri Gunung Ledang	10 - 11
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	12 - 81
6.0	Log Temubual	82 - 84
7.0	Ralat	85
8.0	Glosari	86
9.0	Indeks	87
10.0	Bibliografi	88 - 91
11.0	Lampiran	
	11.1 Surat Perjanjian	92
	11.2 Senarai Soalan	93 - 95
	11.3 Diari Penyelidikan	96 - 98
	11.4 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	99 - 100

PENGALAMAN ENCIK RIZAL BIN ABDULLAH SEBAGAI RENJER TERAS LEDANG

SITI HAISSA AMIRA BINTI AMIR (2021123835)

NURHANI JAZREEN BINTI HASBULLAH (2021125519)

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Johor Kampus Segamat,
KM 12, Jalan Muar, 85000 Segamat, Johor.**

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman Encik Rizal Abdullah yang telah berkhidmat sebagai seorang renjer dan antara yang terawal untuk membimbing dan mengawasi pendakian di Gunung Ledang sebelum tertubuhnya Taman Negara Johor. Ramai dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda kini, kurang mendapat pendedahan tentang sejarah tempatan di Malaysia terutamanya Gunung Ledang dan lagendanya Puteri Gunung Ledang yang dulu kala merupakan satu lagenda yang unik. Selain mengupas tentang latar belakang tokoh dan pengalamannya, sejarah lisan ini bertujuan untuk mengkaji sama ada sejarah tempatan ini masih kekal relevan di arus kemodenan negara ini. Selain itu juga, kajian lisan ini juga untuk merungkai kisah mitos dan kebenaran terhadap Puteri Gunung Ledang yang sering dipersoalkan dan diragui agar dapat dijadikan rujukan generasi akan datang dan tidak ditelan zaman. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharapkan masyarakat luar terutamanya generasi akan datang akan lebih mengenali dan mendalam dengan lebih dalam sejarah tentang Puteri Gunung Ledang dan Gunung Ledang

Kata Kunci : *Encik Rizal Abdullah, sejarah tempatan, Gunung Ledang, Puteri Gunung
Ledang, kisah mistik*

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas sejarah lisan yang ditugaskan kepada kami dari awal hingga ke akhir tugas.

Kami ingin mengutarakan sejuta penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek Oral Documentasi ini iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin kerana telah banyak menolong dan membimbing kami bagi menyiapkan tugas yang diberi ini .

Tidak dilupai untuk mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Puan Azura A. Jamil @ Kamarudzzaman selaku penyelia kami dalam membantu kami dalam melancarkan lagi proses menyiapkan tugas ini. Tanpa bantuan beliau, kami tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan lancar.

Kami juga ini menitipkan penghargaan kepada Encik Muhammad Rizal atas kesudian beliau meluangkan masa untuk ditemubual. Kerjasama daripada beliau sangat membantu kami dalam melaksanakan tugas ini kerana kesudian beliau menerima pelawaan kami untuk menjadi rujukan tokoh di dalam tajuk yang dipilih.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan dan keluarga kami yang telah memberikan semangat dan dorongan untuk kami menyelesaikan tugas ini.

Sekian terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN ABREVIASI	MAKSUD
CPR	Cardiopulmonary Resuscitation
INFO	Informasi
AUTO	Automatik
UNESCO	United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization
UiTM	Universiti Teknologi Mara
PGL	Puteri Gunung Ledang
KKN	Kuliah Kerja Nyata